

Nobat sa-bagai lambang kesenian Di-Raja

NOBAT merupakan lambang kemegahan kesenian Raja2 Melayu. Bahkan Nobat dengan Raja2 Melayu mempunyai pertalian yang amat erat sa-kali. Ini terbokti dengan ada-nya penghargaan dan penghormatan yang istimewa di-berikan kepada Nobat itu.

Di-Negeri Perak ini, perkakas Nobat itu di-simpan di-Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar dengan beralaskan kain kuning ia-itu warna pilihan yang menunjukkan kebesaran di-Raja Negeri Perak.

Menurut cerita orang tua2, perkakas Nobat itu di-jagai oleh jin, "Jin Kerajan" nama-nya. Oleh kerana itu maka Nobat tersebut tidak-lah boleh di-permainkan bagitu sahaja — tidak boleh mengata2 sa-suatu yang kurang baik mengenai-nya dan tidak juga boleh memukul-nya kalau tidak dengan sa-barang maksud yang tertentu. bahkan untok mendekati atau menyentoh-nya sahaja pun dengan tiada sa-suatu maksud tidak-lah di-bolehan.

B. H.

26 OCT 1963

Barang di-ingat bahawa perkakas Nobat itu mempunyai daulat kebesaran dan kepunyaan Negara. jikalau sa-suatu yang tidak baik di-lakukan kepada-nya neschaya ada-lah bafasan-nya, kepada orang yang melakukannya.

Oleh kerana itu juga-lah perkakas Nobat itu maseh di-puja, di-muliakan, malahan maseh di-anggap sa-bagai keramat.

Nobat itu hanya di-gunakan sa-bagai menyambut sa-suatu temasha dan hari yang mulia seperti menyambut permulaan bulan Ramadhan (bulan Puasa), menyambut awal Shawal (pagi Hari Raya), nikah kahwin, berkhatan, raja tabal, isti'adat menjunjong duli, memberi gelar dan lain2 peristiwa besar yang sa-umpama-nya.

Perkataan Nobat berasal daripada bahasa Parsi 'Naubat' ia-itu 'nau' erti-nya sembilan dan 'bat' erti-nya bunyian2, kerana asal-nya Nobat itu mengandungi sembilan macham alat bunyian2.

Negeri yang mula2 memakai Nobat ia-lah Melaka, ia-itu telah di-bawa dari Pasai ketika Parameswara (Raja Melaka yang pertama) berkahwin dengan puteri dari Pasai yang beragama Islam.

Ada pun alat (perkakas) Nobat itu ia-lah:-

Gendang Nobat	B. H.	sa-buah
Gendang Peningkah		sa-buah
Nafiri (Serunai)		sa-buah
Negara (Nekara)		dua buah
Nafiri		dua-buah

Lapan buah semua-nya, sembilan dengan Tok Setia Guna, Ketua Nobat.

Tersebut dalam 'Adat Lembaga Negeri Perak' konon asal-nya 'baloh' negara itu di-perbuat daripada teras jerun (sa-jenis kayu) dan kulit perut perem-

puan yang sedang hamil, tetapi sekarang ia-nya di-perbuat daripada kulit kijang.

Pada mula-nya dahulu lagu Nobat itu delapan ragam sahaja, kemudian ditambah lagi oleh Kerajaan Negeri Perak dengan delapan lagu (ragam) pula menjadikan enam belas lagu semua-nya. Lagu2 yang enam belas itu ia-lah seperti berikut:-

B. H.

LAGU2 NOBAT YANG ASAL

- Gendang Berangkat
- Puteri Mandi Mayang
- Dang Gidang
- Rama2 Terbang Tinggi
- Kumbang Si-Kumali
- Arak2 Atandis (Arak2 Antelas)
- Aleh2 Panjang
- Aleh2 Pandak.

LAGU2 NOBAT YANG BAHARU DI-TAMBAH

- Lenggang Che Kobat.
- Jong Beraleh.
- Anak Raja Basoh Kaki.
- Gendang Perang.
- Nabat Tala
- Nobat Raja.
- Nobat Khamis
- Nobat Suboh.

PERINGATAN.

(a) Nobat Suboh, Nobat Khamis, Nobat Raja itu pada pagi dan petang sahaja di-gunakan.

(b) Nobat Tapal itu di-gunakan pada masa raja tabal dan sultan mangkat sahaja.

Shahadan akan alat perkakas Nobat itu dari semenjak dahulu lagi hanya boleh di-mainkan atau di-bunyikan oleh orang2 yang tertentu jua ia-itu oleh keturunan Orang Kalur.

26 OCT 1963

Jika sa-kira-nya alat2 itu di-mainkan atau di-bunyikan oleh orang lain maka tiada-lah sempurna permainan itu. Kata sa-tengah cerita jika orang lain yang memainkan-nya maka nafiri itu tidak akan berbunyi.

Pada masa sekarang yang menjadi Ketua Orang Kalur itu ia-lah Inche Abdul Aziz bin Shafiei, gelaran-nya Tok Setia Guna dan Penolong-nya ia-lah Inche Mat Dasir bin Alang Sahak, gelaran-nya Tok Setia Indera.

Sungguh pun Nobat itu terkhas kepada Waris2 Negeri sahaja, akan tetapi Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh juga membenarkan ia-nya di-pakai pada lain2 upacara, seperti dalam upacara menghantar atau menyambut sa-suatu utusan di-Raja dan juga kerana menghormati perarakan jenazah.

Hanya sa-nya alat perkakas yang di-gunakan sahaja yang berbedza, ia-itu mengikut taraf atau pangkat-nya masing2.

Dan lagi pada masa dahulu, lengkongan (gelanggang) tempat memainkan Nobat itu di-pagari dengan bulu ayam serta di-mentera. Maka barang siapa yang melintasi-nya di-kenakan denda yang berat.